

# Pekerja perlu tingkat kemahiran pasca COVID-19

**Kuala Lumpur:** Pekerja perlu berusaha melatih semula kemahiran atau mempertingkatkan aspek berkenaan bagi memastikan kekal relevan dan kompetitif dalam dunia pasca-COVID-19, demikian menurut hasil dapatan tinjauan oleh United Overseas Bank (UOB).

Tinjauan itu mendapati, sembilan daripada 10 pekerja di Malaysia yakin bahawa kemahiran baharu atau lebih luas adalah perlu ketika ini untuk bersaing dalam pasaran pekerjaan.

Pengarah Eksekutif dan Ketua Negara Sumber Manusia, United Overseas Bank Bhd (UOB Malaysia), Lai Tak Ming, berkata data terbaharu itu menunjukkan jangkaan sektor pekerjaan akan menjadi sukar akibat kemelesetan ekonomi bukan hanya di Malaysia tetapi dunia.

Beliau berkata, berdasarkan Kajian Sentimen Pengguna ASEAN UOB, 85 peratus responden di Malaysia percaya bahawa syarikat lebih cenderung mengambil pekerja yang boleh melaksanakan pelbagai tugas, manakala 83 peratus berpendapat ma-



**Pekerja yang berkemahiran, tangkas dan berupaya menyesuaikan diri dengan tugas baharu sangat penting terhadap majikan.** (Foto hiasan)

jikan akan mengurangkan jumlah pekerja apabila usaha pendigitalan ditingkatkan.

Sementara itu, katanya 78 peratus responden menjangka syarikat akan memberhentikan pekerja untuk mengurangkan kos.

"Pandemik COVID-19 menekankan pentingnya pembelajaran dan pembangunan yang berterusan. Tahun ini mengubah cara bekerja dengan pantas dan

perubahan ini akan terus mempengaruhi langkah syarikat beroperasi pada masa hadapan.

"Penting bagi syarikat memiliki tenaga kerja yang tangkas dan mudah menyesuaikan diri dengan tugas baharu untuk menangani persekitaran kerja yang sentiasa berubah," katanya dalam satu kenyataan.

Kajian Sentimen Pengguna ASEAN UOB dilaksanakan se-

cara bersama dengan Blackbox membabitkan 3,510 individu yang berumur antara 18 hingga 65 tahun di lima pasaran ASEAN.

Sama seperti Malaysia, kebanyakan pekerja di Indonesia (93 peratus), Singapura (90 peratus), Thailand (93 peratus) dan Vietnam (92 peratus) melihat keperluan untuk melatih semula kemahiran atau meningkatkan ke-

mahiran sebagai kunci untuk kekal berdaya saing.

Tak Ming berkata, dari segi kumpulan umur pula, kebimbangan jaminan pekerjaan paling dirasakan oleh golongan yang berumur antara 18 hingga 23 tahun.

Beliau berkata, 94 peratus responden dalam lingkungan umur itu percaya bahawa majikan akan memberhentikan

kakitangan untuk mengurangkan kos jika diperlukan.

Sentimen itu, katanya, turut dirasakan oleh golongan berumur 40 hingga 55 tahun (77 peratus) dan golongan berumur 24 hingga 39 tahun (76 peratus).

"UOB Malaysia komited untuk melatih dan membangunkan tenaga kerja kami secara bertenusan bagi memastikan mereka dilengkapi dengan kemahiran tersedia masa hadapan.

"Krisis ini mempercepatkan usaha pendigitalan, justeru adalah penting agar tenaga kerja kami mempunyai kemahiran yang diperlukan untuk memenuhi keperluan pelanggan generasi baharu," katanya.



# Gesa wujud portal aduan khas dalam talian

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kerja Raya perlu mewujudkan portal aduan khas secara dalam talian bagi menangani isu 'lubang maut' pada jalan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin, berkata pendekatan sedemikian akan dibincangkan dengan kementerian terbabit dalam tempoh terdekat.

Katanya, jalan penyelesaian seperti itu penting kerana rakyat berupaya menjadi 'mata dan telinga' agensi berkaitan yang bertanggungjawab untuk menyelia aspek penyelenggaraan jalan.

"Saya dengar jalan yang saya lalui itu tiada lubang beberapa hari lalu. Justeru, kita perlukan pemantauan *real time* (semasa).

"Tetapi agensi kerajaan seperti Jabatan Kerja Raya (JKR) tidak

mempunyai kakitangan mencukupi nak tengok seluruh jalan Persekutuan.

"Sebab itu, saya sudah bincang dengan (Menteri Kerja Raya) Datuk Seri Fadillah (Yusof) untuk bagaimana kita boleh jalinkan penggunaan teknologi bagi menyelesaikan isu ini.

"Dengan mewujudkan suatu portal khas untuk menyalurkan aduan, beberapa butiran seperti gambar, video dan maklumat mengenai kerosakan jalan dapat disalurkan secara pantas," katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Khairy yang juga Ahli Parlimen Rembau terbabit dalam kemalangan apabila basikal ditunggangnya terbalik, selepas tayar hadapan terperosok dalam lubang.

Rentetan kejadian itu, beliau yang memuat naik gambar dan status di Twitter menunjukkan beberapa kecederaan ringan pada bahagian muka, berikutan terhumban di bahu jalan.

Ditanya berhubung insiden itu, Khairy tidak dapat memberikan perincian lanjut kerana mengalami kesan hilang ingatan sementara, selepas terpaksa ditempatkan di hospital semalaman.

"Saya sampai sekarang tak ingat apa yang jadi semalam (kemarin). Yang saya ingat, bila sudah sampai ke hospital.

"Doktor kata ia disebabkan gegaran ketika jatuh daripada basikal. Saya masih bernasib baik, tetapi simpati kepada rakyat kerana inilah yang jadi pada orang biasa.

"Niat saya semalam memuat naik insiden ini di Twitter ialah untuk beri peringatan kepada pengguna jalan lain. Namun, nampaknya mendapat perhatian JKR.

"Saya berterima kasih kepada JKR kerana peka dengan isu ini, tetapi janganlah hanya disebabkan saya menteri, baru nak ambil berat," katanya.

Cakna dengan kejadian lebih parah, termasuk maut yang dialami rakyat susulan keadaan jalan berlubang, Khairy berkata, punca di sebalik isu sedemikian harus disiasat.

Beliau berkata, ia termasuk aspek kualiti dan jentera atau kenderaan berat yang menggunakan jalan berkenaan sehingga menyebabkan permukaan berlubang.